



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)
DEPUTY SECRETARY GENERAL (FINANCE)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Ministry of Health Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2542
Faks: 03-8888 5461

Ruj : (36) KKM.400-9/1/3 Jld. 12
Tarikh : 3 Februari 2020

Semua Pengarah Institusi
Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PINDAAN SENARAI PENYAKIT BERJANGKIT DI BAWAH SURAT
PEKELILING KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 2017**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2017 mengenai Garis Panduan Pengecualian Fi Bagi Penyakit Berjangkit di Kalangan Warga Asing telah menyenaraikan tujuh (7) penyakit berjangkit yang boleh dikecualikan daripada caj perubatan.

3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius akan penularan penyakit berjangkit di kalangan warga asing yang meningkatkan risiko jangkitan kepada rakyat tempatan. Sehubungan itu, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, melalui kuasa yang diperuntukkan di bawah perenggan 15 Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014 telah bersetuju untuk memberi pengecualian caj bayaran perkhidmatan pesakit luar dan pesakit dalam kepada warga asing atau kontak warga asing yang disyaki dan / atau disahkan

menghidapi penyakit kusta dan avian influenza. Lampiran 2 pada Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2017 adalah dipinda seperti di lampiran.

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memaklumkan semua PTJ di bawah seliaan masing-masing untuk tindakan lanjut.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. UZAILEE BIN ABDUL LATIF)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k KSU
KPK
TKSU(P)
TKPK (Perubatan)
TKPK (Kesihatan Awam)
TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

**Senarai Penyakit berjangkit Yang Diberi Pengecualian Fi Bagi
Pesakit Warga Asing**

1. Demam kuning (*Yellow Fever*)
2. Ebola
3. Kolera
4. Malaria
5. Plague
6. Tifoid
7. Tuberkulosis (*first line drugs sahaja*)
8. Avian Influenza
9. Kusta

(Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 7 Tahun 2017)